

Bab 3

RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu **A, B, C, dan D**. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

(Buku Teks m.s. 38 – 41)

- 1 Terdapat pengaruh luar yang menimbulkan cabaran terhadap pemerintahan beraja di negara kita.

Apakah pengaruh luar tersebut?

- A Penjajahan British
- B Ancaman komunis
- C Penubuhan ASEAN
- D Konfrontasi Indonesia

(Buku Teks m.s. 38)

- 2 Senarai berikut merupakan kuasa pemerintahan raja semasa Kesultanan Melayu Melaka.

- Pentadbiran
- Perundangan
- Kehakiman

Mengapakah raja mempunyai kuasa pemerintahan tersebut?

- A Berkuasa mutlak
- B Bersifat bijaksana
- C Berpandangan jauh
- D Berpendidikan formal

(Buku Teks m.s. 38)

- 3 Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah berlandaskan konsep Islam.

Apakah buktinya?

- A Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- B Ukiran Islam dijadikan hiasan istana
- C Orang Melayu diberi keistimewaan
- D Raja sebagai ketua agama Islam

(Buku Teks m.s. 38)

- 4 Apakah peranan Raja-raja Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat?

- A Ketua protokol istana
- B Sumber undang-undang
- C Penjaga keselamatan kota
- D Panglima angkatan tentera

(Buku Teks m.s. 38)

- 5 Senarai berikut merujuk kepada kesultanan Melayu di negara kita.

- Perak
- Pahang
- Johor-Riau

Mengapakah kesultanan tersebut dianggap warisan Kesultanan Melayu Melaka?

- I Pembinaan tradisi dan adat istiadat
 - II Pengenalan sistem pentadbiran pusat
 - III Perkahwinan diraja dengan puteri Melaka
 - IV Persamaan pertalian dari segi keturunan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 38)

- 6 Jadual berikut berkaitan dengan penjajahan British di negeri-negeri Melayu.

Negeri-negeri Melayu	Pentadbiran
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	Sistem Residen
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	X

Apakah pentadbiran X?

- A Sistem Tirani
- B Sistem Birokrasi
- C Sistem Republik
- D Sistem Penasihat

(Buku Teks m.s. 39)

- 7 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menerima campur tangan British dalam pentadbiran tempatan?

- I Perjanjian
 - II Musyawarah
 - III Peperangan
 - IV Surat pengisytiharan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 39)

- 8 Apakah kesultanan Melayu terawal yang diasaskan di negara kita?
- Kesultanan Perlis
 - Kesultanan Kedah
 - Kesultanan Kelantan
 - Kesultanan Negeri Sembilan

(Buku Teks m.s. 38)

- 9 Maklumat berikut menunjukkan sistem perundangan di negeri Melayu.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895
- Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911

Apakah kesan penggubalan perlembagaan tersebut?

- Taraf hidup meningkat
- Ekonomi meningkat maju
- Rakyat hidup bersatu padu
- Kedaulatan negeri dikekalkan

(Buku Teks m.s. 39)

- 10 Bagaimanakah taraf Negeri-negeri Melayu semasa kedatangan British pada abad ke-19?

- Pertuanan
- Naungan
- Taklukan
- Berdaulat

(Buku Teks m.s. 39)

- 11 Peristiwa berikut berlaku semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
Januari 1943	Persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera dengan tentera Jepun di Singapura.

Apakah pengiktirafan yang diperoleh oleh Raja-raja Melayu dalam persidangan tersebut?

- Ketua dalam adat istiadat Melayu
- Ketua Persekutuan Tanah Melayu
- Ketua pemutus perundangan negeri
- Ketua dalam hal ehwal agama Islam

(Buku Teks m.s. 40)

- 12 Kedudukan Raja-raja Melayu dikawal semasa pendudukan Jepun di negara kita.

Apakah kuasa Jepun yang melaksanakan pengawasan tersebut?

- Tentera
- Maharaja
- Gabenor
- Kempeitei

(Buku Teks m.s. 40)

- 13 Raja-raja Melayu kehilangan kuasa sebagai pemerintahan negeri semasa pendudukan British. Bagaimanakah British melakukan tindakan tersebut?

- Pengenalan Malayan Union
- Pembubaran Majlis Raja-Raja
- Pelantikan Pesuruhjaya Tinggi British
- Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 40)

- 14 Raja-raja Melayu telah berjaya mengembalikan kedaulatannya seperti sebelum Perang Dunia Kedua.

Bagaimanakah kejayaan tersebut dicapai?

- Penggubalan Undang-Undang Tubuh
 - Penubuhan Suruhanjaya Persekutuan
 - Penyatuan antara negeri-negeri Melayu
 - Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 40)

- 15 Gambar berikut berkaitan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.



Apakah kesan penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri tersebut?

- Penyatuan masyarakat pelbagai kaum
- Pengukuhan sistem pertahanan negara
- Pengukuhan pentadbiran kerajaan Islam
- Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan

(Buku Teks m.s. 40)

- 16 Sistem pemerintahan berikut diamalkan di Malaysia sejak tahun 1957.

- Sistem Raja Berperlembagaan
- Sistem Demokrasi Berparlimen

Bagaimanakah kedudukan raja dalam sistem pemerintahan tersebut?

- Raja sebagai pemerintah tertinggi
 - Majlis Undangan Negeri ditubuhkan
 - Menteri dilantik sebagai pentadbir
 - Rakyat diberi hak memilih pemimpin
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 41)

17 Apakah konsep pentadbiran yang menjadi amalan negara kita selepas kemerdekaan?

- A Republik C Demokrasi
- B Aristokrasi D Teokrasi

(Buku Teks m.s. 40)

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

(Buku Teks m.s. 42 – 45)

18 Durbar telah dibentuk pada tahun 1897. Apakah peristiwa yang membawa kepada penubuhan Durbar?

- A Penubuhan NNMB
- B Pembentukan persekutuan
- C Pembubaran Sistem Residen
- D Penentangan terhadap British

(Buku Teks m.s. 42)

19 Pernyataan berikut berkaitan dengan Durbar.

Merupakan sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Apakah yang dibincangkan oleh Durbar dengan pihak British?

- A Pilihan raya negara
- B Undang-undang Islam
- C Hal ehwal pentadbiran
- D Kerakyatan yang sama

(Buku Teks m.s. 42)

20 Antara berikut, manakah merupakan keahlian Durbar NNMB?

- I Residen British
 - II Raja-raja Melayu
 - III Wakil ahli UMNO
 - IV Pesuruhjaya Tinggi
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 42)

21 Mengapakah Durbar ditubuhkan pada tahun 1897?

- A Bertujuan untuk menyeragamkan pentadbiran negeri
- B Menjadi badan penasihat kepada Raja-raja Melayu
- C Penentangan terhadap sistem pentadbiran British
- D Sebagai Majlis Persidangan Raja-raja Melayu

(Buku Teks m.s. 42)

22 Apakah perlembagaan yang memperuntukkan penubuhan Majlis Sultan-Sultan?

- A Malayan Union
- B Charter of Justice
- C Negeri-negeri Selat
- D Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 43)

23 Mengapakah Majlis Sultan-Sultan ditubuhkan?

- A Mengelakkan campur tangan kuasa Barat
- B Membincangkan perundangan agama Islam
- C Mengukuhkan pembangunan sosioekonomi
- D Mengekalkan kedudukan pembesar tempatan

(Buku Teks m.s. 43)

24 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan keanggotaan Majlis Sultan-Sultan?

- I Ketua Menteri
 - II Pesuruhjaya Tinggi British
 - III Penasihat Undang-undang
 - IV Raja-raja Melayu
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 43)

25 Terdapat tiga pegawai kanan British dalam anggota Majlis Sultan-Sultan.

Antara pegawai tersebut ialah

- I Penasihat Kerja Raya
 - II Setiausaha Pertahanan
 - III Setiausaha Kewangan
 - IV Penasihat Undang-Undang
- A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 43)

26 Siapakah yang dilantik menjadi pengerusi dalam Majlis Sultan-Sultan?

- A Sultan
- B Residen
- C Gabenor
- D Ketua Setiausaha

(Buku Teks m.s. 43)

27 Penubuhan Majlis Sultan-Sultan mengalami kegagalan.

Mengapakah berlaku kegagalan tersebut?

- A Pencapaian kemerdekaan negara
- B Pendudukan Jepun secara mendadak
- C Penentangan terhadap Malayan Union
- D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 43)

- 28 Raja-raja Melayu bergambar semasa majlis menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah kesan pemeteraian perjanjian tersebut?

- A Pembinaan petempatan khas
- B Penubuhan Majlis Raja-Raja
- C Pembatalan prinsip jus soli
- D Pembentukan Sistem Ahli

(Buku Teks m.s. 43)

- 29 Seorang pengerusi mesyuarat Majlis Raja-Raja dilantik dari kalangan sembilan Raja Melayu. Apakah kuasa yang menentukan lantikan pengerusi tersebut?

- A Raja England
- B Residen British
- C Majlis Undangan
- D Raja-raja Melayu

(Buku Teks m.s. 43)

- 30 Persidangan Majlis Raja-Raja perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Apakah peranan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja tersebut?

- A Menguruskan sekretariat Majlis
- B Meluluskan rang undang-undang
- C Memeterai keputusan persidangan
- D Mengukuhkan kedaulatan raja

(Buku Teks m.s. 43)

- 31 Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-Raja.



Apakah kepentingan Mohor Besar Raja-Raja tersebut?

- A Lambang kedaulatan Raja-Raja Melayu
- B Sebagai semak dan imbang pentadbiran
- C Penyelarasan pentadbiran antara negeri
- D Bukti pengamalan Raja Berperlembagaan

(Buku Teks m.s. 44)

- 32 Apakah yang memerlukan penggunaan cap Mohor Besar tersebut?

- A Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- B Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri
- C Surat kuasa dari Pejabat Tanah Daerah
- D Dokumen rasmi oleh Majlis Raja-Raja

(Buku Teks m.s. 44)

- 33 Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British.

Apakah penerangan tersebut?

- I Kedudukan agama Islam
- II Pembahagian kelas sosial
- III Penggubalan undang-undang
- IV Dasar Kerajaan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 43)

- 34 Keanggotaan Majlis Raja-Raja selepas merdeka mengalami perubahan.

Apakah keanggotaan baharu yang dimasukkan?

- I Yang di-Pertua Labuan
- II Yang di-Pertua Negeri Sabah
- III Yang di-Pertua Negeri Melaka
- IV Yang di-Pertua Pulau Pinang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 44)

- 35 Maklumat berikut berkaitan peranan Yang di-Pertua Negeri.

Yang di-Pertua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas Majlis Raja-Raja yang melibatkan institusi beraja.

Apakah perkara institusi beraja tersebut?

- A Perubahan sempadan negeri
- B Pemilihan Yang di-Pertuan Agong
- C Pengisytiharan perundangan darurat
- D Penetapan tarikh pilihan raya

(Buku Teks m.s. 44)

- 36 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja?

- I Menguruskan pilihan raya
- II Menjadi Lembaga Pengampun
- III Memilih Yang di-Pertuan Agong
- IV Meluluskan belanjawan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 44)

- 37 Bagaimanakah Majlis Raja-Raja memperkenankan perubahan persempadanan negeri?
- Mendapat perkenan raja negeri berkenaan
 - Mendapat kelulusan Yang di-Pertuan Agong
 - Mendapat kelulusan daripada Dewan Negara
 - Mendapat perkenan Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 44)

- 38 Majlis Raja-Raja memberikan nasihat berkaitan dengan perlantikan jawatan tertentu. Apakah jawatan tersebut?

- Peguam Negara
- Ketua Hakim Negara
- Ketua Angkatan Tentera
- Menteri Tak Berportfolio

(Buku Teks m.s. 45)

- 39 Apakah badan yang berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di negara kita?

- Majlis Raja-Raja
- Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha
- Ketua Hakim Negara

(Buku Teks m.s. 45)

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 46 – 49)

- 40 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 mulai 31 Januari 2019.



Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dipilih?

- Secara bergilir-gilir
 - Melalui pilihan raya
 - Kaedah sistem warisan
 - Peruntukan Perlembagaan Malaysia
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 46)

- 41 Yang di-Pertuan Agong Pertama negara kita berasal dari negeri

- Perlis
- Selangor
- Terengganu
- Negeri Sembilan

(Buku Teks m.s. 46)

- 42 Apakah kedudukan Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan?

- Ketua Audit Negara
- Ketua Utama Negara
- Ketua Jemaah Menteri
- Ketua Angkatan Tentera

(Buku Teks m.s. 47)

- 43 Apakah kepentingan kedudukan Yang di-Pertuan Agong di negara kita?

- Simbol kehebatan
- Simbol perpaduan
- Simbol kedaulatan
- Simbol kemewahan

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 47)

- 44 Rajah berikut berkaitan dengan keutamaan kedudukan dalam Persekutuan.



Apakah X?

- Majlis Raja-Raja
- Yang di-Pertua Negeri
- Penyimpan Mohor Besar
- Perdana Menteri

(Buku Teks m.s. 47)

- 45 Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik Perdana Menteri.

Bagaimanakah lantikan tersebut dijalankan?

- Melaksanakan pilihan raya umum
- Mendengar pandangan Jemaah Menteri
- Melantik kalangan golongan profesional
- Memilih seorang Ahli Dewan Rakyat

(Buku Teks m.s. 48)

- 46 Senarai berikut merujuk kepada kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong.

- Kuasa Eksekutif
- X
- Kuasa Kehakiman

Apakah X?

- A Kuasa politik
- B Kuasa ekonomi
- C Kuasa perundangan
- D Kuasa perbendaharaan

(Buku Teks m.s. 48)

- 47 Apakah ahli Suruhanjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong?

- I Suruhanjaya Polis
- II Suruhanjaya Pelajaran
- III Suruhanjaya Kehakiman
- IV Suruhanjaya Pilihan Raya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 48)

- 48 Proses pembentangan Rang Undang-Undang akan dilakukan sebelum mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.


Proses pembentangan akan dijalankan di

- I Dewan Rakyat
- II Dewan Negara
- III Dewan Tertinggi
- IV Dewan Undangan Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 48)

- 49 Rajah berikut menunjukkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.



Bagaimanakah kedudukan baginda di negeri-negeri tersebut?

- A Ketua agama Islam
- B Ketua angkatan tentera
- C Melantik Menteri Besar
- D Menubuhkan Majlis Tertinggi

(Buku Teks m.s. 49)

- 50 Pernyataan berikut merujuk kepada persidangan di Parlimen.

- Memanggil Parlimen bersidang
- Memberhentikan dan membubarkan Parlimen

Pernyataan tersebut merujuk kepada bidang kuasa

- A Sultan
- B Perdana Menteri
- C Ketua Hakim Negara
- D Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 49)

- 51 Yang di-Pertuan Agong berkuasa untuk mengisytiharkan darurat di negara kita.

Apakah rasionalnya pengisytiharan tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup
- B Memelihara maruah negara
- C Menjamin keselamatan negara
- D Mengadakan pakatan ketenteraan

(Buku Teks m.s. 49)

- 52 Dialog berikut mungkin berlaku selepas hukuman dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi.

Tentera I: *Kamu masih mempunyai kuasa untuk memohon pengampunan.*

Tentera II: *Tapi pada siapa?*

Apakah pihak yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tersebut?

- A Perdana Menteri
- B Menteri Pertahanan
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Mahkamah Persekutuan

(Buku Teks m.s. 49)

- 53 Manakah merupakan Hakim Mahkamah Atasan?

- A Hakim Mahkamah Juvenil
- B Hakim Mahkamah Sesyen
- C Hakim Mahkamah Syariah
- D Hakim Mahkamah Rayuan

(Buku Teks m.s. 49)

- 54 Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang telah dijatuhkan oleh

- A Mahkamah Juvenil di Perlis
- B Mahkamah Syariah di Melaka
- C Mahkamah Majistret di Kedah
- D Mahkamah Sesyen di Pahang

(Buku Teks m.s. 49)

- 55 Yang di-Pertuan Agong berkuasa untuk melantik hakim Mahkamah Atasan. Apakah pihak lain yang terlibat dalam urusan pelantikan hakim tersebut?

I Perdana Menteri
II Majlis Raja-Raja
III Menteri Keselamatan
IV Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 49)

- 56 Yang di-Pertuan Agong akan bertindak memberi pengampunan kepada pesalah setelah mendapat nasihat.

Apakah pihak yang memberi nasihat tersebut?


A Majlis Raja-Raja
B Mahkamah Rayuan
C Mahkamah Persekutuan
D Lembaga Pengampunan

(Buku Teks m.s. 49)

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

(Buku Teks m.s. 50 – 55)

- 57 Rajah berikut merujuk kepada ciri-ciri demokrasi yang menjadi amalan pentadbiran negara kita.



Apakah X?

A Kebebasan asasi
B Keunikan pendidikan
C Kewangan negara
D Kuasa imigresen

(Buku Teks m.s. 50)

- 58 Mengapakah kempen pilihan raya perlu dilakukan dalam proses pilihan raya?

I Kegiatan subversif diatasi
II Perbalahan dapat dielakkan
III Manifesto parti disampaikan
IV Rakyat mengenali calon
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 50)

- 59 Mengapakah setiap rakyat perlu menunaikan tanggungjawab mengundi dalam pilihan raya?

A Perpaduan kaum dibentuk
B Proses memilih wakil rakyat
C Penggubalan undang-undang
D Penyatuan negara dikukuhkan

(Buku Teks m.s. 50)

- 60 Apakah tempoh untuk mengadakan pilihan raya umum?

A Dua tahun C Empat tahun
B Tiga tahun D Lima tahun


(Buku Teks m.s. 50)

- 61 Apakah prosedur untuk menjalankan proses pengundian dalam pilihan raya?

A Terbuka C Telus
B Bebas D Berdikari

(Buku Teks m.s. 50)

- 62 Rajah berikut berkaitan dengan hak asasi yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.



Apakah X?

A Kebebasan beriadah
B Kebebasan berpersatuan
C Kebebasan bermasyarakat
D Kebebasan menerbit

(Buku Teks m.s. 51)

- 63 Maklumat berikut merujuk kepada konsep yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.

Apakah konsep tersebut?

A Kedudukan sosial
B Kebebasan asasi
C Kewarganegaraan
D Kemahiran teknikal

(Buku Teks m.s. 51)

- 64 Suruhanjaya berikut ditubuhkan pada tahun 1999.

SUHAKAM

Mengapakah suruhanjaya tersebut ditubuhkan?

- A Melindungi hak asasi manusia
- B Memelihara keharmonian kaum
- C Menguruskan pilihan raya umum
- D Mengukuhkan demokrasi negara

(Buku Teks m.s. 51)

- 65 Rajah berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan Kerajaan Persekutuan.



Apakah amalan yang digunapakai dalam sistem pemerintahan tersebut?

- A Pengukuhan kuasa
- B Pengasingan kuasa
- C Keseimbangan kuasa
- D Pentadbiran tradisional

(Buku Teks m.s. 52)

- 66 Rajah berikut berkaitan dengan struktur pentadbiran badan eksekutif negara kita.



Apakah X?

- A Kementerian
- B Suruhanjaya
- C Badan Berkanun
- D Jabatan kerajaan

(Buku Teks m.s. 52)

- 67 Apakah badan perundangan pada peringkat Kerajaan Negeri?

- A Dewan Senat
- B Dewan Rakyat
- C Dewan Perhimpunan
- D Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 53)

- 68 Parlimen merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia.

Apakah kompenan utama dalam Parlimen?

- I Dewan Negara
- II Yang di-Pertuan Agong
- III Mahkamah Persekutuan
- IV Perdana Menteri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 53)

- 69 Bagaimanakah keahlian Dewan Rakyat dipilih?

- A Dilantik oleh Majlis Raja-Raja
- B Dipilih rakyat melalui pilihan raya
- C Diluluskan oleh Perlembagaan Persekutuan
- D Diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 53)

- 70 Apakah persamaan peranan institusi berikut?

- Parlimen
- Dewan Rakyat
- Dewan Negara

- A Mentafsir perlembagaan
- B Merangka dasar kerajaan
- C Melaksanakan pentadbiran
- D Menggubal undang-undang

(Buku Teks m.s. 53)

- 71 Maklumat berikut berkaitan dengan badan perundangan.

- Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara
- Membahaskan undang-undang dengan lebih teliti

Apakah dewan tersebut?

- A Dewan Rakyat
- B Dewan Negara
- C Dewan Perwakilan
- D Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 53)

- 72 Di Malaysia, terdapat Dewan Undangan Negeri (DUN) di setiap negeri **kecuali**

- A Perlis
- B Terengganu
- C Pulau Pinang
- D Wilayah Persekutuan

(Buku Teks m.s. 53)

- 73 Gambar berikut berkaitan dengan Dewan Undangan Negeri (DUN).



DUN Sarawak

Bagaimanakah ahli DUN Sarawak dilantik?

- A Dipilih oleh ketua negeri
- B Dipilih melalui pilihan raya
- C Dipilih oleh Speaker Dewan
- D Dipilih dari kakitangan kerajaan

(Buku Teks m.s. 53)

- 74 Maklumat berikut berkaitan dengan badan eksekutif di negara kita.

Peringkat	Badan Eksekutif
Peringkat Negeri	X
Peringkat Persekutuan	Jemaah Menteri

Apakah X?

- A Biro Pengaduan Awam
- B Jabatan Perdana Menteri
- C Dewan Undangan Negeri
- D Majlis Mesyuarat Kerajaan

(Buku Teks m.s. 54)

- 75 Apakah anggota badan eksekutif dalam Kerajaan Persekutuan?

- I Perdana Menteri
- II Menteri-menteri
- III Majlis Raja-Raja
- IV Peguam Negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 54)

- 76 Apakah fungsi Jemaah Menteri dalam struktur pentadbiran Malaysia?

- A Melantik Peguam Negara
- B Membuat undang-undang
- C Menggubal dasar kerajaan
- D Menjaga keamanan negara

(Buku Teks m.s. 54)

- 77 Apakah peranan Perdana Menteri dalam badan eksekutif?

- A Memajukan industri kecil
- B Menjadi pemimpin kerajaan
- C Mengurangkan beban kewangan
- D Meningkatkan kualiti perkhidmatan

(Buku Teks m.s. 54)

- 78 Maklumat berikut merujuk kepada peranan dalam badan eksekutif.

Mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Apakah peranan tersebut?

- A Menteri
- B Suruhanjaya
- C Badan Berkanun
- D Ketua Setiausaha

(Buku Teks m.s. 54)

- 79 Dialog berikut mungkin berlaku dalam badan eksekutif.

Menteri A: Saya tak setuju dengan keputusan mesyuarat tadi.
Menteri B: Saya juga tak sokong dengan keputusan dasar kerajaan tadi.

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh menteri tersebut?

- A Meletakkan jawatan
- B Membatalkan mesyuarat
- C Meninggalkan mesyuarat
- D Mengemukakan bantahan

(Buku Teks m.s. 54)

- 80 Mengapakah Sultan Muhammad II (1836 – 1886) memperkenalkan Sistem Jemaah Menteri di Kelantan?

- A Menjaga keamanan
- B Melicinkan pentadbiran
- C Mengukuhkan kesetiaan
- D Mempertahankan kedaulatan

(Buku Teks m.s. 54)

- 81 Apakah pihak yang melaksanakan kuasa eksekutif bagi negeri di Semenanjung Malaysia?

- A Jemaah Menteri
- B Majlis Mesyuarat Negeri
- C Dewan Undangan Negeri
- D Dewan Perwakilan

(Buku Teks m.s. 54)

- 82 Apakah ciri-ciri sistem Jemaah Menteri Kesultanan Melayu Kelantan pada abad ke-19?
- Menteri berkuasa mutlak dalam pentadbiran
 - Menteri menentukan bidang kuasa Sultan Kelantan
 - Setiap Jemaah Menteri dianggotai empat pembesar
 - Setiap badan Jemaah Menteri diketuai oleh kerabat diraja

(Buku Teks m.s. 54)

- 83 Apakah kuasa eksekutif di peringkat negeri?
- Sultan
 - Menteri Besar
 - Executive Council
 - Yang di-Pertua Negeri
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 54)

- 84 Apakah persamaan badan eksekutif di negeri Sarawak dan Sabah?
- Council Negri
 - Majlis Tertinggi
 - Kabinet Negeri
 - Executive Council

(Buku Teks m.s. 54)


- 85 Apakah tanggungjawab Badan Kehakiman di Malaysia?
- Mentafsir undang-undang
 - Meminda undang-undang
 - Menggubal perlembagaan
 - Mempertahankan Perlembagaan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 55)

- 86 Siapakah yang mengetuai badan kehakiman?
- Peguam Negara
 - Yang di-Pertuan Agong
 - Ketua Hakim Negara
 - Perdana Menteri

(Buku Teks m.s. 55)

- 87 Rajah berikut merujuk kepada badan kehakiman di Malaysia.



Apakah X?

- Hakim
- Peguam Negara
- Biro Penguaman
- Perdana Menteri

(Buku Teks m.s. 55)

- 88 Sistem hierarki Kehakiman Malaysia terbahagi kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan.

Apakah Mahkamah Atasan tersebut?

- Mahkamah Rayuan
- Mahkamah Syariah
- Mahkamah Majistret
- Mahkamah Persekutuan

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 55)

- 89 Manakah merupakan Mahkamah Bawahan?
- Mahkamah Sesyen
 - Mahkamah Tentera
 - Mahkamah Rayuan
 - Mahkamah Tinggi Borneo

(Buku Teks m.s. 55)

- 90 Apakah badan pemerintahan yang berkuasa untuk menyelesaikan konflik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?
- Majlis Raja-Raja
 - Badan Eksekutif
 - Badan Kehakiman
 - Badan Perundangan

(Buku Teks m.s. 55)

- 91 Mahkamah berikut terdapat di peringkat negeri.

Mahkamah Anak Negeri

Apakah negeri tersebut?

- Sabah
 - Sarawak
 - Kelantan
 - Pulau Pinang
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 55)

- 92 Mengapakah hakim tidak dibenarkan terlibat dalam politik?

- Menjaga keselamatan diri
- Mengutamakan kes mahkamah
- Mengelakkan pertindihan tugas
- Menjamin keadilan undang-undang

(Buku Teks m.s. 55)

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

(Buku Teks m.s. 56 – 57)

- 93 Bagaimanakah pemerintahan beraja berjaya mengimbangi pemerintahan demokrasi?
- Raja berkuasa mutlak
 - Raja menjadi penasihat kerajaan
 - Raja memberi kerjasama politik
 - Raja bersifat berkecuali

(Buku Teks m.s. 56)

94 Sistem Demokrasi Berparlimen yang menjadi amalan negara kita mempunyai aspek keunikan. Apakah keunikan tersebut?

- I Pilihan raya yang adil dan telus
- II Penubuhan sebuah Kerajaan Persekutuan
- III Gabungan unsur tradisional dan moden
- IV Mekanisme semak dan imbang
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 56)

95 Pernyataan berikut merujuk kepada kombinasi sistem pemerintahan Malaysia.

- Raja Berperlembagaan
- Demokrasi Berparlimen

Apakah kesan kombinasi sistem pemerintahan tersebut?

- A Mendapat perlindungan daripada kuasa asing
- B Mengimbangi persekitaran sosiopolitik negara
- C Mengukuhkan kerjasama peringkat antarabangsa
- D Mengiktiraf kedudukan orang Melayu dan peribumi

(Buku Teks m.s. 56)

96 Sistem Raja Berperlembagaan mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara.

Apakah kesan daripada mekanisme semak dan imbang tersebut?

- A Meredakan pertikaian parti politik
- B Mengekalkan status quo orang Melayu
- C Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
- D Mengatasi kemasukan pengaruh luar

(Buku Teks m.s. 56)

97 Apakah kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Melantik Ketua Menteri
- II Enggan membubarkan DUN
- III Enggan membubarkan Parlimen
- IV Melantik Perdana Menteri
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 57)

98 Keunikan amalan demokrasi ialah mewujudkan kerjasama politik melalui perkongsian kuasa antara kaum.

Apakah kesan kerjasama politik tersebut terhadap negara?

- I Mengatasi ancaman luar
- II Membaiki prasarana negara
- III Mewujudkan kestabilan politik
- IV Mengukuhkan perpaduan rakyat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 57)

99 Gabungan parti berasaskan kaum telah dibentuk sejak pilihan raya pada tahun 1955.

Apakah parti berasaskan kaum tersebut?

- A Parti Negara
- B Parti Perikatan
- C Parti Rakyat Bersatu
- D Parti Kemerdekaan Negara

(Buku Teks m.s. 57)

100 Maklumat berikut berkaitan dengan keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018.

Pilihan Raya Umum ke-14	
Parti	Kerusi Parlimen
PH	113
BN	79
PAS	18
Warisan	8
Bebas	3
Solidariti	1

Apakah kepentingan keputusan pilihan raya tersebut?

- A Perluasan kuasa pemerintahan
- B Pengukuhan institusi kesultanan
- C Pemantapan sistem perundangan
- D Pembentukan Kerajaan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 57)